

28 AUG 1997

Cook-Asasi

COOK: TIADA SEBAB UNTUK SEMAK DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Luar Britain Robin Cook hari ini berkata beliau secara peribadi berpendapat tidak ada sebab untuk menyemak semula prinsip-prinsip asas Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia.

Katanya pada perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, beliau tidak mendapat tanggapan bahawa Dr Mahathir mahupun sesiapa jua di Malaysia yang cuba mencabar hak asasi deklarasinya itu, yang menurutnya mendapat sokongan di seluruh dunia.

Cook berkata demikian ketika menjawab pertanyaan seorang hadirin selepas menyampaikan ceramah bertajuk "Asia Tenggara dan Selepas: Rakan-rakan Britain Untuk Kurun Ke-21" pada majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini.

Dr Mahathir bulan lepas berkata Malaysia mungkin mengemukakan cadangan supaya disemak semula deklarasinya PBB yang berusia 50 tahun itu. Ia menimbulkan perdebatan hangat antara Asean dan China pada satu pihak dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah pada pihak lain pada Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri Asean bulan lepas.

"Saya secara peribadi tidak nampak ada kes untuk menyemak semula deklarasinya hak asasi itu," kata Cook.

Mengenai krisis mata wang menjejaskan Asia Tenggara, katanya kesulitan kewangan yang dialami di kebanyakan negara di rantau itu sekarang perlu dilihat hanya semata-mata sebagai masalah kewangan.

"Ia hanyalah masalah kewangan, ianya bukan masalah yang berkaitan dengan struktur ekonomi," katanya.

Beliau juga tidak mempersetujui pendapat-pendapat yang disuarakan dalam beberapa media Eropah yang mula mengetepikan "harimau-harimau ekonomi" Asia berikutan masalah mata wang itu.

Beliau juga berkata adalah "amat sukar" untuk melihat bagaimana hendak mengendalikan masalah spekulasi antarabangsa bila dikaitkan dengan kadar pertukaran asing.

Semasa bercakap pada persidangan berita kemudian, Cook berkata beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa walaupun Britain kini lebih rapat dengan Eropah, negaranya tidak akan membelakangkan negara lain di dunia.

Mengenai Bosnia dan Herzegovina, Cook memberi jaminan peribadinya kepada Dr Mahathir yang beliau akan memastikan setiap usaha diambil untuk membawa ke muka pengadilan jenayah perang Serb Radovan Karadzic.

Mengenai persiapan Britain menghadapi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) tahun depan di London, Cook berkata beliau dan Dr Mahathir membincangkan idea untuk menggunakan perhimpunan itu bagi menggubal perjanjian Komanwel mengenai pengurusan perhutanan.

Mengenai Myanmar, katanya Britain dan Malaysia tidak mempunyai persamaan yang "ikhlas dan tulen" cara terbaik untuk cuba dan mencapai perubahan di Myanmar.

"Malaysia dan negara-negara anggota Asean yang lain menggunakan perbincangan membina sebagai satu pendekatan manakala Eropah dan Britain berpendapat selagi kerajaan Myanmar tidak bertindak lebih bertanggungjawab berhubung menjamin hak asasi demokratik dan menghapuskan perdagangan dadah, tidak ada guna bagi kami untuk mengadakan dialog mendalam dengan mereka.

"Kemungkinan adunan kedua-duanya beserta dialog dengan jiran-jiran terdekat dan tekanan dari dunia akan menghasilkan kejayaan pada jangka panjang," katanya.

Dalam ceramahnya, Cook menggariskan enam bidang bagi mewujudkan perkongsian dalam konteks hubungan antara Malaysia dan Britain serta kedua-dua rantau -- ekonomi, keselamatan, hak asasi manusia, PBB, alam sekitar dan dadah.

Katanya hak asasi manusia merupakan asas kepada dasar luar dan ada ruang untuk membincangkan pelaksanaannya tetapi bukan mengenai prinsipnya.

Katanya adalah juga tidak boleh diragui mengenai komitmen Britain untuk menyumbang kepada kestabilan rantau ini.

Mengenai alam sekitar, Cook berkata pelan tindakan kebangsaan mengenai isu-isu segera seperti perubahan cuaca, pencemaran dan kepelbagaian-bio adalah penting.

Cook dan rombongannya telah berlepas ke Jakarta dalam pusingan kedua lawatannya ke Asia Tenggara. -- BERNAMA

MAM AHH